

Sunway-IJM hasilkan entiti dengan aset hampir RM50 bilion

PETALING JAYA: Pengambilalihan IJM Corporation Bhd oleh Sunway Bhd dijangka menghasilkan entiti dengan aset bernilai hampir RM50 bilion, termasuk tanah seluas 2,300 hektar dan buku tempahan projek bernilai RM13 bilion.

Pakar Ekonomi Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Prof. Emeritus Barjoyai Bardai berkata, dengan risiko dan tuntutan pengawalseliaan, gabungan ini tetap memberi manfaat besar dalam menjayakan projek berskala mega, memperkukuh infrastruktur nasional dan meningkatkan kredibiliti korporat Malaysia di mata pelabur domestik dan global.

“Pengambilalihan ini adalah lumrah dalam dunia korporat. IJM sendiri pernah mengambil

alih Industrial Concrete Bhd. pada 2004 dan Road Builders Bhd. pada 2008 dan kini giliran Sunway pula pada 2026.

“Entiti ini dijangka lebih berdaya saing untuk menyertai tender infrastruktur mega seperti lebuh raya, pelabuhan, pusat data dan kemudahan industri,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Sunway mengumumkan tawaran pengambilalihan sukarela bersyarat untuk mengambil alih IJM pada harga RM3.15 sesaham, dengan nilai keseluruhan urus niaga dianggarkan sekitar RM11 bilion.

Melalui tawaran tersebut, Sunway akan memperoleh semua saham biasa IJM yang belum dimiliki, tidak termasuk saham perbendaharaan, sekali gus meletakkan kumpulan gabun-



IJM sendiri pernah mengambil alih Industrial Concrete Bhd. pada 2004 dan Road Builders Bhd. pada 2008 dan kini giliran Sunway pula pada 2026.”

BARJOYAI BARDAI

gan sebagai konglomerat hartanah dan pembinaan terbesar di Malaysia dari segi hasil serta jumlah aset.

Menurut beliau, pengambil-

alihan ini menggabungkan aset pelabuhan, konsesi tol dan kilang milik IJM dengan projek Sunway dalam sektor hartanah, kesihatan, pendidikan dan pelancongan.

“Dari segi operasi, gabungan itu dijangka meningkatkan kecapan melalui perkongsian teknologi pembinaan, penambahbaikan sistem perolehan serta integrasi pusat prefabrikasi Sunway,” katanya.

Barjoyai juga menjangkakan pengambilalihan Sunway ke atas IJM bakal menyaksikan penambahbaikan kewangan yang ketara, dengan aset dijangka meningkat kepada sekitar RM53 bilion, naik 69 peratus, manakala ekuiti pula dijangka mencecah RM26 bilion, meningkat 64 peratus.

“Buku pesanan atau tempa-

han kumpulan itu pula dijangka melonjak 131 peratus kepada RM14.8 bilion, manakala pendapatan sesaham bagi tahun kewangan 2026 dijangkakan naik 17.8 peratus,” katanya.

Menurut beliau, penggabungan ini dijangka mendominasi projek mega dan tender kerajaan, menimbulkan cabaran kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang kurang modal dan teknologi.

“Namun, PKS masih berpeluang terlibat sebagai subkontraktor atau pembekal bahan dalam rantai bekalan kumpulan gergasi ini.

“Keperluan PKS untuk melabur dalam transformasi digital, teknologi hijau dan sistem pengurusan projek bagi kekal relevan dan bersaing,” katanya.